

PANDUAN MENGGISI BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN CARUMAN SUKARELA i-SARAAN / i-SARAAN PLUS / i-SURI

PEMOHON DINASIHATKAN MEMBACA DENGAN TELITI ARAHAN DI BAWAH SEBELUM MENGGISI BORANG:

- Sila lengkapkan borang ini dengan menggunakan HURUF BESAR atau tandakan (✓) pada yang berkenaan dengan menggunakan pen dakwat hitam atau biru. Penggunaan cecair atau pita pemadam pada borang permohonan dan dokumen sokongan adalah tidak dibenarkan.
- Borang permohonan boleh dihantar ke mana-mana Pejabat KWSP yang berhampiran secara serahan tangan.
- Berikut merupakan maklumat yang perlu difahami oleh pemohon sebelum membuat permohonan:

Bil.	Perkara	i-Saraan	i-Saraan Plus	i-Suri
1	Objektif	Tujuan insentif ini diperkenalkan bagi menggalakkan golongan yang bekerja sendiri mencarum secara sukarela mengikut kemampuan ahli bagi tujuan simpanan persaraan.	Tujuan insentif ini diperkenalkan bagi menggalakkan pemandu e-hailing dan p-hailing mencarum secara sukarela bagi tujuan simpanan persaraan.	Tujuan insentif ini diperkenalkan untuk: <ol style="list-style-type: none"> Menjaga kebajikan wanita sebagai suri rumah atau ketua keluarga dan mengiktiraf sumbangan mereka dalam kesejahteraan keluarga dan pembangunan negara; Menggalakkan pihak suami membuat caruman bulanan secara sukarela mengikut kemampuan ke akaun KWSP isteri yang tidak bekerja sebagai perlindungan persaraan dan asas keselamatan sosial; Memberi perlindungan persaraan dan asas keselamatan sosial kepada wanita yang menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga.
2	Syarat Kelayakan Pendaftaran	<ol style="list-style-type: none"> Ahli KWSP; dan Warganegara Malaysia; dan Berumur 60 tahun ke bawah; dan Mana-mana orang yang bekerja sendiri atau tiada pendapatan tetap seperti pemandu teksi, penjaja, petani, nelayan, perunding bebas, suri rumah, kakitangan kerajaan yang bertaraf pencen dan lain-lain. 	<ol style="list-style-type: none"> Mana-mana pemandu e-hailing dan p-hailing; dan Mempunyai potongan caruman KWSP yang dibuat melalui penyedia perkhidmatan (contohnya: Grab, Foodpanda, dll.). 	<ol style="list-style-type: none"> Ahli KWSP; dan Warganegara Malaysia; dan Berumur 60 tahun ke bawah; dan Golongan suri rumah yang berdaftar dengan eKasih (setakat senarai terkini).
3	Insentif Khas	<ol style="list-style-type: none"> Mendapat Insentif Khas sebanyak 20% setahun, tertakluk kepada insentif khas maksimum tahunan sebanyak RM500 atau had maksimum seumur hidup sebanyak RM5,000 atau mencapai umur 60 tahun, mana-mana terdahulu. Insentif khas ini hanya untuk sepanjang tempoh yang ditetapkan dan berdasarkan syarat yang ditentukan oleh Kerajaan. Insentif khas ini terhad kepada ahli yang berumur di bawah 60 tahun sahaja dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Persaraan. 	<ol style="list-style-type: none"> Mendapat Insentif Khas sebanyak 20% setahun, tertakluk kepada insentif khas maksimum tahunan sebanyak RM600 atau had maksimum seumur hidup sebanyak RM6,000 atau mencapai umur 60 tahun, mana-mana terdahulu. Insentif khas ini hanya untuk sepanjang tempoh yang ditetapkan dan berdasarkan syarat yang ditentukan oleh Kerajaan. Insentif khas ini terhad kepada ahli yang berumur di bawah 60 tahun sahaja dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Persaraan. 	<ol style="list-style-type: none"> Mendapat Insentif Khas sebanyak 50% bagi setiap RM1 caruman, tertakluk kepada insentif khas maksimum tahunan sebanyak RM300 atau had maksimum sebanyak RM3,000 seumur hidup atau telah mencapai umur 60 tahun, mana-mana terdahulu. Insentif khas ini hanya untuk sepanjang tempoh yang ditetapkan dan berdasarkan syarat yang ditentukan oleh Kerajaan. Insentif khas ini hanya dibayar sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> Tersenarai di dalam data eKasih terkini; dan Belum mencapai umur 60 tahun. Insentif khas ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel.

- Berikut adalah panduan mengisi borang :-

(A) KATEGORI CARUMAN SUKARELA i-SARAAN/ i-SARAAN PLUS/ i-SURI

Sila tandakan (✓) pada salah satu pilihan sahaja

(B) MAKLUMAT PEMOHON

Lengkapkan Nama dan No. MyKad mengikut maklumat di dalam MyKad pemohon. Butiran seperti Tarikh Lahir, Jantina, Agama, Bangsa dan Ruang Bilangan Bidang Pekerjaan juga perlu dilengkapkan.

(C) MAKLUMAT PERHUBUNGAN PEMOHON

Lengkapkan maklumat perhubungan **terkini** pemohon iaitu Alamat Surat-Menyurat, No. Telefon Rumah, No. Telefon Bimbit, No. Telefon Pejabat, dan E-mel.

(D) PENDAFTARAN NO. TELEFON TAC DAN i-AKAUN

Lengkapkan Bahagian (D) dengan maklumat No. Telefon TAC bagi tujuan pendaftaran i-Akaun Ahli.

(E) PENGESAHAN PEMOHON

- Pemohon perlu membaca dan memahami kandungan PENGESAHAN PEMOHON sebelum menurunkan cap ibu jari kanan dan kiri.
- Cap ibu jari mestilah diturunkan dengan terang dan jelas menggunakan pad cap jari berwarna hitam di dalam ruangan yang disediakan seperti panduan di bawah:-

